

[UTAMA \(/\)](#)
[MENGENAI KAMI \(/MENGENAI_KAMI-1\)](#)
[BAKAL PELAJAR \(/UPM/BAKAL_PELAJAR-10\)](#)
[PELAJAR SEMASA \(/UPM/PELAJAR_SEMASA-11\)](#)
[STAF \(/UPM/STAF-13\)](#)
[ALUMNI \(/UPM/ALUMNI-14\)](#)
[PETA LAMAN \(/SITEMAP\)](#)
[MAKLUMBALAS \(/MAKLUMBALAS\)](#)

Carian.

BM



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



[AKADEMIK \(/akademik-15\)](#)
[PENYELIDIKAN \(/penyelidikan-3\)](#)
[JARINGAN \(/jaringan-16\)](#)
[ANTARABANGSA \(/antarabangsa-2\)](#)
[PERKHIDMATAN \(/perkhidmatan-19\)](#)
[KEHIDUPAN KAMPUS \(/kehidupan_kampus-18\)](#)

[\(/ \)](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris dilantik semula Naib Canselor UPM

[Senarai Berita \(/berita\)](#)

Prof. Datin Paduka Dato Ideris dilantik semula Naib Canselor UPM

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh



SERDANG, 4 Dis – Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) selama dua tahun lagi bermula 1 Januari, 2018 hingga 31 Disember 2019 setelah mendapat surat pelantikan secara rasmi daripada YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh baru-baru ini.

Prof. Aini merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada YB Dato' Seri Idris Jusoh yang memberi kepercayaan, peluang dan amanah kepadanya untuk untuk menerajui UPM selama dua tahun lagi bagi meneruskan legasi memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada universiti.

“Pelantikan ini adalah satu amanah dan tanggung jawab yang amat besar bagi saya. Insya Allah saya akan menjalankan tugas ini dengan terbaik demi kecemerlangan Universiti Putra Malaysia dan pendidikan tinggi Malaysia. Saya berdoa agar dikurniakan kekuatan fizikal dan mental serta kesihatan yang baik oleh yang Maha Esa.

“Dengan pelantikan ini, saya akan terus berusaha untuk meningkatkan pencapaian UPM sebagai sebuah universiti penyelidikan unggul yang mengharumkan nama negara di peringkat global,” katanya yang berharap dapat bersama semua warga UPM untuk terus berusaha melonjakkan kecemerlangan dan pencapaian UPM ke tahap yang lebih tinggi.

Antara pencapaian terbaik UPM semasa Prof. Aini menjawat jawatan sebagai Naib Canselor ialah UPM memperkukuhkan ranking ke-229 universiti terbaik dunia dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017/2018 selain mengekalkan kedudukan sebagai universiti kedua terbaik dalam negara dan mencatat kenaikan kedudukan sebanyak empat tahun berturut-turut.

Dalam tempoh pentadbirannya sebagai Naib Canselor, UPM juga berjaya meraih kemenangan dua tahun berturut-turut dalam kategori Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik) dan merangkul Emas di Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2017.

LIHAT JUGA



Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris dilantik semula Naib Canselor UPM

Prof. Taufiq Yusoff dilantik sebagai Naib Canselor UPM

Dua pensyarah dilantik sebagai Naib Canselor UPM



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

📧 marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Prof. Aini mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran di UPM sebagai Timbalan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar (9 tahun), Dekan Sekolah Pengajian Siswazah (8 tahun), Timbalan Naib Canselor - Akademik & Antarabangsa (5 tahun), Pengarah Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi - yang pertama (2 tahun), dan seterusnya Naib Canselor UPM pada 1 Jan 2016.

Beliau juga memegang beberapa jawatan penting di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta mempunyai 'track record' yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan khidmat profesional.

Prof. Aini merupakan saintis terkemuka dalam penyelidikan penyakit pernafasan dan imunopresif avian. Beliau juga telah berjaya mengkomersialkan vaksin penyakit 'Newcastle' pada 1995 dan vaksin kultur tisu 'fowl pox' pada 1996 hingga menembusi pasaran di 18 buah negara.

Pada tahun 2005, beliau turut terlibat sebagai penyelidik bersama dalam mengkomersialkan satu lagi vaksin penting bagi ayam, iaitu vaksin penyakit bursa berjangkit. Pasukan penyelidik beliau juga telah membangunkan beberapa kit diagnosis pantas untuk mengesan penyakit avian influenza (selsema burung - yang merupakan satu penyakit zoonotik), penyakit 'Newcastle', penyakit bursa berjangkit dan penyakit 'Mycoplasmosis'.

Pada tahun 2011, Prof. Aini telah menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) 2010, kategori Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk hasil kejayaan beliau dalam inovasi dan pengkomersilan vaksin penyakit 'Newcastle'.

Beliau menerima Anugerah Alumni Terbilang UPM 2012 dan diumumkan antara Sainstis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2013.

Kemuncak kejayaannya pada tahun 2013, beliau dilantik antara ahli ulung Dewan Penghormatan (Inaugural Member Hall of Honour), World Veterinary Poultry Association iaitu sebagai pengiktirafan pencapaian paling berprestij dalam penyelidikan saintifik, latihan dan pendidikan kesihatan avian serta kepemimpinan komuniti negara membangun.

Kegigihan dan kejayaan beliau sebagai seorang saintis, telah diberi pengiktirafan oleh badan-badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau telah dilantik sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (FASc) pada tahun 2009. Beliau juga adalah merupakan Felo Pengasas bagi Malaysian College of Veterinary Specialists (FMCVS) dan Felo bagi Malaysian Scientific Association (FMSA). Pada Oktober 2011, beliau telah dipilih sebagai Felo Islamic World of Academy of Sciences (FIAS).

Kemaskini: 04/12/2017 [syifarida]

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fprof_datin_paduka_dato_dr_aini_ideris_dilantik_semula_naib_canselor_upm-36941&title=Prof.%20Datin%20Paduka%20Dato%20E2%80%99%20Dr.%20Aini%20Ideris%20Dilantik%20Semula%20Naib%20Canselor%20UPM%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus) (/#linkedin)
 (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

✉ marketing@upm.edu.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)
 1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)
 Multimedia Super Corridor (<http://www.mscomalaysia.com.my>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.tender.kontrak.upm.edu.r>)
 Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/rn8202)
 Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)
 Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.e>)
 Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)
 Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

[Dasar Privasi \(/footnote/dasar_privasi-29949\)](#) [Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#)
[RSS \(/footnote/rss-29951\)](#) [Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#)
[Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)
[Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar_keselamatan-29939\)](#)

© 2017 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**

BM

- Entiti Kami
- Dokumen
- Newsletter
- Tetapan